



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MAKMAL FORENSIK SPRM BERJAYA MEMPEROLEHI SIJIL AKREDITASI DARIPADA JABATAN STANDARD MALAYSIA

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya memperoleh Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 daripada Jabatan Standard Malaysia, selaras dengan Pelan Strategik SPRM 2021-2024.

Pengiktirafan akreditasi ini telah ditauliahkan kepada Bahagian Forensik Digital (BFT) SPRM menerusi Makmal Forensik Digital pada 13 November 2024 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, pengiktirafan ini mencerminkan tahap profesionalisme SPRM dalam memastikan makmal ini beroperasi berdasarkan keperluan MS ISO/IEC 17025 yang merupakan standard antarabangsa untuk mengesahkan kompetensi makmal pengujian dan kalibrasi.

Akreditasi yang diperoleh BFT SPRM melibatkan empat skop iaitu forensik komputer; forensik audio video dan imej; forensik telefon bimbit serta forensik tulisan tangan pengubahsuaian dokumen dan *stamp impression*.

“Akreditasi berdasarkan MS ISO/IEC 17025 adalah lebih daripada sekadar pengiktirafan. Ia merupakan tanda aras keupayaan teknikal Makmal Forensik Digital SPRM untuk menghasilkan keputusan analisis forensik yang tepat serta mematuhi aspek sistem pengurusan, pengesahan kaedah analisis, kawalan proses analisis dan kompetensi personal makmal.”

“Dengan akreditasi ini, hasil analisis forensik digital kita bukan sahaja diperakui di Malaysia tetapi juga diiktiraf di peringkat serantau dan antarabangsa, membuka ruang untuk kerjasama merentasi sempadan dalam siasatan dan penyelidikan,” katanya.

Kata beliau lagi, dengan pencapaian ini, BFT SPRM kini mempunyai mandat untuk memastikan semua proses analisis forensik digital berjalan mengikut standard yang telah ditetapkan selaras dengan amalan antarabangsa.

Akreditasi yang diterima Makmal Forensik Digital SPRM bukan sahaja mampu memberikan sokongan teknikal yang lebih baik kepada operasi siasatan tetapi juga meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan hasil analisis forensik di peringkat antarabangsa.

-----**TAMAT**-----